

# Berita Manmin

NO. 4 15 MEI 2022

Anggota Gereja Manmin  
yang saya kasihi,



Salam dari Moldova demi nama Tuhan Yesus. Ramai rakyat Ukraine kini melarikan diri merentasi sempadan barat ke Poland, Romania dan Hungary akibat pencerobohan Rusia ke atas Ukraine. Moldova juga menerima pelarian Ukraine dan membantu mereka.

Saya ingin berkongsi kisah yang menyentuh hati daripada anggota Gereja Manmin Moldova. Ana telah menjadi topik hangat kerana dia membantu pelarian tersebut dengan sepenuh hatinya. Ramai pelarian melintasi sempadan ke Chisinau sejak beberapa hari yang lalu. Ana menempatkan kira-kira 20 orang pelarian dan menyediakan makanan untuk mereka pada 26 dan 27 Februari. Terdapat kira-kira 20 orang pelarian tinggal di rumahnya sekarang. Ana tinggal di tempat lain tetapi memasak untuk mereka dan memberikan mereka makanan.

Oleh sebab perbuatannya telah menjadi topik hangat, ramai orang turut membantu pelarian Ukraine. Sebuah pasar raya menyediakan makanan percuma atau sejumlah wang untuk mereka membeli makanan apabila mereka menunjukkan passport Ukraine milik mereka.

Baru-baru ini, tentera Rusia mengebom Kharkiv, bandar kedua Ukraine, tempat keluarga Anton dan Angela tinggal sehingga menyebabkan kerosakan di kawasan awam.

Keluarga Anton mengambil keputusan untuk berpindah dan meminta Gereja Pusat Manmin untuk mendoakan keselamatan mereka dalam perjalanan mereka dengan kereta menuju sempadan barat.

Mereka ialah anggota Gereja Pusat Manmin yang telah mendaftar melalui Internet dan memberikan kemuliaan kepada Tuhan melalui kesaksian mereka bahawa premis perniagaan mereka dilindungi daripada kebakaran oleh doa Pastor Kanan.

Saya mendapat tahu tentang perpindahan mereka daripada Diakon Kanan Ronya Son dan sedang bersedia untuk membantu mereka melintasi sempadan dengan



selamat serta tiba di Moldova. Sekarang mereka telah sampai di sempadan. Walau bagaimanapun, ada kelewatan yang lama untuk melintasi sempadan kerana jumlah pelarian yang ramai.

Gereja Manmin Moldova cuba untuk mencari rumah bagi mereka. Seseorang mendapat tahu tentang hal ini dan berkata bahawa dia akan menyewakan apartmennya dengan harga yang sangat berpatutan selama sebulan. Oleh itu, saya telah mendapat tempat yang baik untuk mereka tinggal selama sebulan. Kami juga membeli banyak makanan dan memenuhkan peti sejuk dengan makanan.


Saya meminta agar anda terus berdoa agar peperangan ini akan berakhir dengan segera dan keamanan serta kestabilan akan datang. Terima kasih!

3 Mac 2022  
Misionari Alexandru Tabaranu  
Gereja Manmin Moldova




Ana (gambar kedua dari kanan) dan anggota Gereja Manmin Moldova yang membantu pelarian Ukraine

Contoh buku Dr. Jaerock Lee




**Pesanan Salib**

Buku yang harus dibaca oleh orang di seluruh dunia ini telah diterbitkan dalam 62 bahasa.




**Syurga (I)**

Keindahan dan kehidupan di Syurga serta rahsia tentang setiap tempat kediaman dan ganjaran.



**Neraka**

Kengerian Neraka disampaikan melalui gambar berwarna yang jelas.



**Tuhan Penyembuh**

Mendedahkan cara asas untuk disembuhkan daripada penyakit dan juga kesakitan dalam hati.

Website: [www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com) Blog: [blog.naver.com/urbooks](http://blog.naver.com/urbooks) Facebook: [facebook.com/urbooks17](https://facebook.com/urbooks17)



Telefon: 82-2-824-7107  
[www.gcntv.org](http://www.gcntv.org)  
[webmaster@gcntv.org](mailto:webmaster@gcntv.org)



Manmin International Seminary

Telefon: 82-2-818-7032  
[www.manminseminary.org](http://www.manminseminary.org)  
[manminseminaryhq@gmail.com](mailto:manminseminaryhq@gmail.com)



World Christian Doctors Network

[www.wcdn.org](http://www.wcdn.org)  
[wcdnkorea@gmail.com](mailto:wcdnkorea@gmail.com)



Urim Books

Telefon: 82-2-818-7241  
[www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com)  
[urimbook@hotmail.com](mailto:urimbook@hotmail.com)





Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

# Tuhan Yang Maha Kuasa

“Semua yang tertulis di dalam Alkitab diilhami oleh Allah dan berguna untuk mengajar apa yang benar, untuk menegur dan membetulkan apa yang salah, dan untuk mengajar orang supaya hidup menurut kehendak Allah” (2 Timotius 3:16)

Alkitab memberitahu kita sebab Tuhan menciptakan manusia, cara dia memimpin sejarah manusia, permulaan dan pengakhiran pemupukan manusia, Yesus Penyelamat, Roh Kudus Penolong, Syurga dan Neraka, dan kewajipan manusia. Namun begitu, siapakah yang menulis Alkitab?

## 1. Tuhan, Pengarang Alkitab

Alkitab terdiri daripada 66 buku: 39 buku dalam Perjanjian Lama dan 27 buku dalam Perjanjian Baru. 34 orang iaitu 26 orang dari Perjanjian Lama dan 8 orang dari Perjanjian Baru diketahui telah menulis Alkitab yang ditulis dalam tempoh 1,600 tahun iaitu 1,500 tahun semasa Perjanjian Lama dan 100 tahun dalam era Perjanjian Baru. Walaupun lebih 30 orang yang berbeza mencatatkan Alkitab, namun tiada seorang pun daripada mereka merupakan “pengarang” Alkitab. Seseorang mungkin mengatakan bahawa mereka semua ialah penulis yang menulis untuk orang lain.

Katakanlah seorang ibu mempunyai dua orang anak lelaki dan dia ingin menulis surat kepada anak yang lebih muda. Dia menyuruh anaknya yang lebih tua untuk menulis dalam surat tentang perkara yang ingin dikatakannya kepada anak yang lebih muda. Walaupun anak yang lebih tua “menulis” surat itu, surat itu sebenarnya adalah daripada ibunya. Dengan cara yang sama, Tuhan memanggil 34 orang individu dan memimpin mereka untuk mencatatkan Alkitab dengan ilham Roh Kudus. Oleh itu, Pengarang Alkitab ialah Tuhan.

2 Petrus 1:21 mengingatkan kita, “Hal itu demikian kerana tidak ada nubuat yang disampaikan oleh para nabi, berasal daripada kehendak manusia. Tetapi Roh Allah menguasai orang semasa mereka menyampaikan perkhbarannya yang datang daripada Allah.” Yesaya 34:16 juga menyatakan, “Carilah di dalam kitab TUHAN dan bacalah. Tiada satu pun daripada semua makhluk itu akan hilang atau tanpa pasangan. TUHAN telah menetapkannya, dan Dia sendiri akan mengumpulkan semua makhluk itu.”

Oleh sebab Tuhan Yang Maha Kuasa telah membuatkan Alkitab dicatat dengan ilham Roh Kudus, ayat-ayat di dalam Alkitab tidak bercanggah antara satu sama lain sebaliknya keseluruhan Alkitab adalah konsisten walaupun ramai orang yang menulisnya.

## 2. Alkitab Dicatat dalam Ilham Roh Kudus

Memandangkan Alkitab dicatat dalam ilham Roh Kudus, maka Alkitab juga mesti ditafsirkan dalam ilham Roh Kudus. Cubaan untuk mentafsirkan Alkitab dengan pemikiran manusia akan membawa orang ke jalan kebinasaan kerana tafsiran yang sedemikian mungkin tidak sesuai dengan kehendak Tuhan (2 Petrus 3:16).

Apabila ditafsirkan dalam ilham Roh Kudus, kita dapat tahu bahawa tiada ayat dalam Alkitab wujud tanpa pasangannya (Yesaya 34:16). Sama seperti sebuah kalung yang bukan sekadar terbentuk daripada mutiara, kepentingan rohani ayat-ayat Alkitab dapat dijelaskan apabila ayat-ayat ini menemui pasangan ayat yang saling melengkapi.

Sebagai contoh, Kisah Rasul-rasul 2:21 memberitahu kita, “Pada masa itu, sesiapa yang berseru kepada Tuhan akan diselamatkan.” Kehendak Tuhan tentang keselamatan bagaimanapun tidak dapat dijelaskan dengan cukup hanya dengan ayat ini. Seperti yang dikatakan oleh Tuhan Yesus kepada kita dalam Matius 7:21, “Tidak semua orang yang memanggil Aku, ‘Ya Tuhan, ya Tuhan,’ akan diselamatkan,” memanggil nama Tuhan Yesus sahaja tidak memenuhi syarat untuk menerima keselamatan.

Seperti kita diingatkan dalam Roma 10:10, “Kerana kita sungguh-sungguh percaya, kita diterima oleh Allah sebagai orang yang sudah berbaik semula dengan-Nya. Kerana kita mengakui Yesus di hadapan orang, kita diselamatkan,” hanya orang yang percaya dengan hati dan melakukan kehendak Tuhan dapat menerima keselamatan apabila mereka mengaku Penyelamat dengan mulut mereka. Apakah maksudnya bagi seseorang “untuk percaya dengan hati”?

Yakobus 2:14 menyatakan, “Saudara-saudaraku!

Tidak ada gunanya seorang Kristian berkata, 'Saya beriman,' jika perbuatannya tidak membuktikan imannya. Iman semacam itu tidak dapat menyelamatkan dia." Apabila seseorang percaya dengan hati dan melakukan kehendak Tuhan, kita dapat lihat bahawa dia berusaha untuk membersihkan dirinya daripada dosa-dosanya dan hidup menurut Firman Tuhan.

Tambahan pula, Roma 3:28 menyatakan, "Kesimpulannya begini: seseorang berbaik semula dengan Allah, kerana dia percaya kepada Yesus Kristus, dan bukan kerana dia melakukan apa yang diwajibkan oleh Taurat." Tidak kira betapa tekunnya anda kelihatan dalam mengamalkan kebenaran, perbuatan anda tidak dapat disempurnakan tanpa iman. "Beriman dengan hati" bermaksud mencapai hati yang disucikan yang menghasilkan tingkah laku yang suci, atau dengan kata lain, mencapai penyunatan hati.

Keselamatan hanya untuk orang Kristian yang menyunatkan hati mereka kerana mereka percaya dengan hati, hidup menurut Firman Tuhan, dan mengaku nama Tuhan Yesus dengan mulut mereka.

Tanpa mencari pasangan untuk ayat-ayat Alkitab, orang mungkin mempelajari kebenaran secara salah dan berpendapat bahawa, "Keselamatan adalah untuk sesiapa yang mengaku bahawa Yesus ialah Penyelamatnya" atau "Selagi anda percaya, anda masih dapat menerima keselamatan walaupun anda hidup dalam dosa." Salah faham seperti ini akan membawa orang kepada dosa dan akhirnya kepada kebinasaan. Untuk memahami kehendak Tuhan yang terkandung dalam Alkitab dengan betul, anda harus mencari pasangan ayat dan mentafsirkannya dalam ilham Roh Kudus.

### 3. Firman Tuhan ialah Kebenaran Abadi

Alkitab ialah Firman Tuhan dan semua yang tercatat di dalamnya adalah benar. Bukti sejarah seperti sejarah Israel, peristiwa di negara jiran dan penduduknya, nama-nama orang dan tempat, serta adat yang semuanya kita temui dalam Perjanjian Lama membuktikan kebenaran Alkitab.

Alkitab juga mengandungi pelbagai nubuat dan semuanya telah digenapi seperti yang tertulis. Sebagai contoh, Lukas 19:43-44 menubuatkan kejatuhan Yerusalem, "Masanya akan tiba apabila musuh mengelilingimu dengan sekatan. Mereka akan mengepung dan mengasak kamu dari segala arah. Mereka akan memusnahkan kamu dan semua pendudukmu. Tidak seketul batu pun akan tertinggal pada tempatnya..." 40 tahun kemudian nubuat ini digenapi dalam tahun 70 Masihi.

Sepanjang Perjanjian Lama terdapat nubuat Tuhan tentang kelahiran, pelayanan, Penderitaan dan kebangkitan Yesus, sementara cerita dan catatan tentang cara Yesus menggenapi nubuat Perjanjian Lama banyak terdapat dalam Perjanjian Baru.

Berkenaan kelahiran Yesus, dalam Kejadian 3:15 Tuhan menubuatkan bahawa Penyelamat akan lahir dalam kalangan orang Israel. Apabila Tuhan mengutuk ular itu, Dia berkata, "Engkau dan perempuan itu akan saling membenci: keturunannya dan keturunanmu akan sentiasa bermusuhan. Keturunannya akan meremukkan kepalamu dan engkau akan mematuk tumit mereka." Ayat ini menubuatkan bahawa Penyelamat akan datang sebagai keturunan wanita itu dan mengalahkan kematian. Di sini, "perempuan itu" secara rohani melambangkan Israel, dan Yesus lahir dalam keluarga Yusuf daripada suku Yehuda (Lukas 1:26-33).

Yesaya 7:14 menyatakan, "Seorang gadis yang mengandung akan melahirkan seorang anak lelaki yang dinamakannya 'Immanuel,' sementara Mikha 5:1 menyatakan, "Hai Betlehem Efrata, engkau salah satu kota yang terkecil di negeri Yehuda, tetapi daripadamu Aku akan memberi Israel seorang penguasa; asal usul nenek moyangnya bermula dari zaman purba." Menurut nubuat-nubuat ini, Yesus dikandung oleh Roh Kudus dan dilahirkan oleh Anak Dara Maria di dalam palung milik sebuah rumah tumpangan di Betlehem.

Apabila Yesus masuk ke Yerusalem, seperti yang dinubuatkan dalam Zakharia 9:9, Dia menunggang "anak keldai yang muda." Seperti yang dinubuatkan dalam Mazmur 41:9, Yesus dikhianati dan dijual oleh Yudas Iskariot. Selain itu, terdapat banyak nubuat yang terperinci dalam banyak buku sepanjang Perjanjian Lama termasuklah Yesaya, Mazmur dan Zakharia mengenai Penderitaan, pengebumian, kebangkitan dan pengangkatan Yesus, dan setiap satu daripadanya telah digenapi pada zaman Perjanjian Baru.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, saya menggesa anda untuk percaya dengan pasti bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan dan bertindak berdasarkan perintah yang terkandung di dalamnya. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar dengan berbuat demikian anda dapat bertemu dengan Tuhan Yang Maha Hidup pada setiap masa dan menerima berkat daripada-Nya serta anda akan berkongsi kasih dengan-Nya selama-lamanya sebagai anak-Nya yang sejati.

## Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan  
(Poskod: 07058)<http://www.manmin.org/english>[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)E-mel: [manminen@manmin.kr](mailto:manminen@manmin.kr)

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

# Cara untuk menerima jawapan dengan iman

## *Kita perlu menyediakan 'topang iman'.*

Dalam Markus 2, seorang lelaki lumpuh yang terbaring di atas tikar dengan diusung oleh kawan-kawannya tidak dapat masuk ke dalam rumah tempat Yesus berada kerana rumah itu penuh sesak dengan orang. Oleh itu, kawan-kawannya membuka bumbung rumah itu dan menurunkan orang lumpuh yang terbaring di atas tikar.

Mereka dengan teguh percaya bahawa Yesus dapat menyembuhkannya, jadi mereka dapat menghadap Yesus walaupun dengan membuka bumbung rumah. Begitu juga, untuk menerima jawapan daripada Tuhan, kita juga perlu menunjukkan iman dari pihak

kita iaitu dengan memasang 'topang iman'.

Kita bukan sahaja perlu berdoa dengan sungguh-sungguh malah juga berpuasa atau berdoa sepanjang malam sekiranya didorong oleh Roh Kudus. Bergantung pada ukuran iman masing-masing, kita juga mungkin perlu melakukan perbuatan baik seperti penginjilan, perkhidmatan sukarela atau kerja amal dengan dorongan Roh Kudus.

Apabila kita menunjukkan iman kita dengan tindakan iaitu memasang topang iman pada pihak kita, iman rohani dapat diberikan dari atas.

Jika seseorang yang sakit belum

menerima Tuhan Yesus, dia perlu mendengar khutbah asas dan sekurang-kurangnya mempunyai iman sebagai pengetahuan. Dia perlu menggunakan iman itu sebagai sokongan baginya supaya penyembuhan ilahi dapat berlaku.

Sesetengah orang Kristian terlibat dalam kemalangan atau mendapat penyakit yang serius. Oleh itu, mereka perlu menyemak sama ada mereka mematuhi dua perintah yang paling asas iaitu menghormati Hari Tuhan sebagai hari yang suci dan memberi persepuluhan. Adalah sukar untuk menerima jawapan kerana seperti yang dinyatakan dalam Yakobus 2:26, iman tanpa perbuatan ialah iman yang sia-sia.

## *Kita tidak boleh ada apa-apa halangan dosa.*

Walaupun kita menyediakan topang iman pada pihak kita, namun topang iman ini tidak akan berfungsi jika kita mempunyai halangan dosa antara Tuhan dan kita (Yesaya 59:1-2). Selain itu, tembok dosa akan menggoncang topang itu walaupun kita cuba untuk memasang topang iman.

Itulah sebabnya Yesus memberitahu kita bahawa kita harus menerima pengampunan dosa sebelum penyembuhan, dengan berkata kepada orang lumpuh itu yang datang dengan iman, "Anak-Ku, dosamu sudah diampunkan."

Iblis dapat membuatkan orang yang berdosa mempunyai pemikiran ragu dan pemikiran badani yang lain. Seterusnya, hal ini menyebabkan keraguan yang menghalang apa-apa jawapan yang mungkin, dan kemudian mereka mungkin akan kehilangan iman mereka sebagai pengetahuan.

Dengan dosa sebagai penghalang, Iblis dapat menimbulkan pemikiran negatif sehingga topang iman tidak dapat dipasang dengan teguh. Akhirnya, adalah sukar bagi seseorang untuk menerima jawapan.

Oleh itu, untuk menerima

jawapan dengan iman, kita tidak boleh mempunyai dosa sebagai penghalang di hadapan Tuhan. Namun begitu, anda tidak boleh berputus asa dengan memikirkan bahawa Tuhan tidak akan memberikan anda jawapan kerana anda telah melakukan dosa.

Jika anda dengan jujur mengaku dosa anda di hadapan Tuhan, berpaling daripada dosa, dan berjalan dalam Cahaya, kita dapat diampunkan daripada segala dosa dengan darah Yesus. Tuhan akan menghapuskan dosa-dosa kita sejauh timur dari barat (1 Yohanes 1:7-9).

## *Kita perlu menerima kurnia iman rohani daripada Tuhan.*

Yesus berkata kepada orang lumpuh yang terbaring di atas tikar dan diturunkan dari

bumbung, "Bangunlah, angkat tikarmu, dan pulanglah." (Markus 2:11)

Ini merupakan pengakuan iman Yesus. Orang yang lumpuh dan kawan-kawannya telah



memasang topang iman dan Yesus menaruh iman rohani padanya. Kemudian, orang lumpuh itu berdiri dengan sendiri, mengambil tikarnya dan berjalan pulang ke rumah.

Jika iman rohani, yang dengannya kita dapat percaya dalam hati, turun dari atas, perubahan akan berlaku dengan serta-merta. Kebimbangan, kerisauan, kecemasan, keresahan dan putus asa akan hilang. Kita

akan mempunyai keyakinan tentang jawabannya dengan hakikat bahawa kita berasa ketenangan dalam minda.

Namun begitu, kita perlu ingat bahawa kita perlu menunggu sehingga kita menerima jawabannya. Kita tidak boleh secara melulu atau dengan terlalu yakin akan diri sendiri mengikut cara dan pemikiran kita dengan menyatakan bahawa kita telah berdoa dan berpuasa. Apabila

kesusahan menimpa kita, kita tidak sepatutnya mengatakan bahawa perkara tidak berhasil walaupun kita telah berdoa dan berpuasa.

Jika kita benar-benar percaya kepada Tuhan Bapa dengan hati kita, kita juga harus menunggu sehingga iman rohani diberikan dari atas. Jawapan diberikan pada masanya apabila Tuhan memberikan kita kurnia iman rohani.

**“Tuhan Bapa menyembuhkan penyakit saya dan memberkati roh dan jiwa saya untuk menjadi makmur.”**

## Sembuh daripada sciatica degeneratif

Diakon Kanan Hyeoncho Bang  
(Usia 60, Paroki ke-15)

Pada bulan Mac 2021, belakang saya mula sakit. Pada mulanya saya berfikir bahawa sakit ini terjadi kerana saya terlalu banyak berjoging. Saya tidak mengambil serius tentang perkara ini. Namun begitu, semakin masa berlalu belakang saya semakin berasa tidak selesa.

Tiga bulan kemudian iaitu pada bulan Jun, sukar untuk saya berjalan. Jika saya berjalan sedikit, kaki saya terasa kebas dan saya perlu berehat kira-kira tiga kali untuk sampai ke tempat sejauh 10 minit perjalanan.

Hasil daripada diagnosis doktor hospital, saya disahkan menghidap sciatica degeneratif. Doktor berkata bahawa saya memerlukan rawatan khas jika saya tidak menjalani pembedahan. Tiada penawar semula jadi tanpa menjalani rawatan perubatan atau pembedahan.

Saya mengambil keputusan untuk mendaftar untuk Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan September dan menerima doa. Saya berdoa dengan bersungguh-sungguh bahawa saya pasti sembuh dan memuliakan Tuhan pada kesempatan ini. Kemudian, saya menerima doa dalam perjumpaan itu. Pergerakan kaki saya bertambah baik tetapi masih ada rasa sakit.

Saya melihat orang yang mempunyai penyakit yang lebih serius telah disembuhkan dan memuliakan Tuhan. Oleh itu, saya mula memikirkan sebab saya tidak dapat menerima jawapan. Ketika saya sedang mikirkannya dan berdoa, Tuhan mengingatkan saya tentang sesuatu.

Ketika saya berusia 13 tahun, salah seorang saudaramara saya berkata bahawa hidung saya kelihatan kendur lalu mengesyorkan pembedahan plastik secara haram. Saya ketakutan, jadi saya melarikan diri tetapi akhirnya saya tertangkap dan diberikan suntikan.

Apabila saya berusia sekitar 22 tahun, hidung saya kelihatan mati dengan lebam biru. Ketulan dengan saiz

sebesar manik muncul di atasnya.

Apabila saya berjumpa dengan pakar bedah plastik, doktor mengatakan bahawa ubat itu tertanam dalam setiap sel tisu dan tidak dapat dikikis. Dia juga mengatakan bahawa dia harus memotong hidung saya untuk mengikis sebarang ubat yang bersisa, dan membentuk hidung saya dengan kulit daripada bahagian tubuh yang lain. Saya berasa sangat terkejut sehingga saya menangis apabila saya pulang ke rumah.

Selepas itu, saya berterusan menerima doa untuk orang sakit oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee dengan iman selepas khutbahnya dengan bersandar pada Tuhan. Lama-kelamaan, ketulan pada hidung saya semakin mengecil dan tiada masalah pada hidung saya. Semasa saya sembuh secara perlahan-lahan, saya tidak mengucapkan syukur walaupun telah mengalami kuasa Tuhan yang begitu besar.

Menyedari perkara ini, saya bertaubat. Ketika saya menyiapkan diri untuk Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Disember, iman dan kasih pertama saya yang telah hilang beransur-ansur dipulihkan, dan saya banyak memanjatkan doa kesyukuran. Selepas menerima doa Pemangku Pastor Kanan Dr. Soojin Lee untuk orang sakit semasa Perjumpaan Kesembuhan Ilahi, kesakitan yang berbaki telah hilang. Saya sama sekali tidak berasa sukar untuk melakukan apa-apa apabila saya berdiri malah saya dapat berlari. Haleluyah!

Saya memberikan kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang memberikan perkara terbaik untuk anak-anak-Nya yang terkasih.



## “Tuhan Bapa menyembuhkan penyakit saya dan memberkati roh dan jiwa saya untuk menjadi makmur.”

## Sembuh cakera belakang

Diakon Yeonhwa Hyun  
(Usia 77, Paroki ke-16)

Apabila saya mendaftarkan diri di Gereja Pusat Manmin pada bulan Mei 2007, saya telah sembuh sepenuhnya daripada arthritis lutut dan sakit belakang yang saya alami selama lebih 20 tahun, berkat doa Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee.

Namun begitu, pada bulan Ogos 2021 saya mengalami sakit belakang sekali lagi. Belakang saya terhantuk pada bingkai tingkap dan belakang saya mula sakit lagi, dan tiba-tiba kaki kiri saya lumpuh.

Doktor mengatakan bahawa stenosis pada bahagian belakang saya telah berpindah ke satu cakera lalu mengesyorkan terapi fizikal dan ubat. Namun begitu, saya mahu disembuhkan oleh Tuhan melalui iman tanpa menerima rawatan perubatan. Saya mengambil keputusan untuk disembuhkan dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan berikutnya.

Saya berdoa untuk mengetahui sebab saya tidak dilindungi oleh Tuhan dan kembali sakit belakang. Kemudian Tuhan menyedarkan saya melalui satu mimpi. Dalam mimpi saya, Pastor Kanan melihat saya sedang mengumpul sesuatu dan memberitahu saya untuk menyingkirkan sikap mementingkan diri sendiri, tamak dan keinginan terhadap harta benda. Dalam mimpi yang lain, beliau memberitahu saya untuk menyingkirkan perasaan jahat. Dalam mimpi pada hari yang lain, Dr. Soojin Lee mengambil jam tangan saya dan berkata, “Adakah kamu berasa tidak senang hati?” Beliau berkata bahawa saya perlu menyingkirkan perasaan yang sedemikian. Setelah saya mengalami mimpi-mimpi itu, saya sedar bahawa saya tidak menyingkirkan sifat-sifat sedemikian dan berdoa pertaubatan dengan banyak menitiskan air mata.

Saya menghadiri satu-satunya perjumpaan doa dalam Paroki saya, yang dipimpin oleh Puan

Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin lalu suatu doa pertaubatan meledak. Apabila saya menghadiri Perjumpaan Doa Daniel, saya bertaubat sepenuhnya dengan menitiskan air mata. Tuhan mencurahkan rahmat-Nya seperti air yang mencurah-curah.

Saya sepatutnya menyalahkan diri sendiri tetapi saya menyalahkan dan merungut kepada keluarga saya. Apabila saya menyedari bahawa saya merungut terhadap Tuhan, saya berasa sangat menyesal. Saya malu dengan diri saya sendiri kerana hanya ingin disucikan tanpa menyingkirkan sifat-sifat seperti benci, bermegah-megah, menghakimi, menyalahkan dan iri hati.

Perjumpaan Kesembuhan Ilahi diadakan pada bulan September 2021 dan saya menghidungnya melalui GCN. Apabila Dr. Soojin Lee berdoa untuk orang sakit, bau pudina memasuki hidung saya. Hal ini sangat menakjubkan. Dengan tertanya-tanya, ‘Adakah ini bukti bahawa saya telah disembuhkan?’, saya bangun lalu berdiri, berbaring, dan bergerak-gerak. Tidak ada apa-apa yang tidak betul dengan diri saya. Sakit belakang telah hilang dan tubuh saya terasa seperti terbang. Haleluyah!

Sekarang saya berasa sangat seronok berada dekat dengan Firman Tuhan dan waktu berdoa sungguh menggembirakan sehingga saya berdoa tiga kali dalam sehari; pada waktu subuh, pada siang hari dan pada waktu malam ketika Perjumpaan Doa Daniel. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan, Bapa Yang Maha Kasih yang telah menyembuhkan saya dan memimpin saya ke Syurga.



## Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinitas: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kisah Rasul-rasul 17:25)  
“Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita.” (Kisah Rasul-rasul 4:12)